

23/08/2004

Hargai kepayahan wujudkan UTP

SERI ISKANDAR: Universiti Teknologi Petronas (UTP) sehingga kini berjaya menghasilkan 1,251 graduan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi selepas melalui sejarah awal yang sukar.

Presiden Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican bagaimanapun berkata, daripada beberapa aspek lain, nasib UTP lebih baik daripada Petronas.

Ini katanya kerana jika Petronas mengambil masa hampir 25 tahun berpindah dari bangunan kayu di Jalan Datuk Onn ke menara berkembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), UTP berupaya memiliki kampus tetap dalam masa kurang 10 tahun.

"Oleh itu, warga UTP perlu memastikan usaha Petronas serta pengorbanan setiap individu yang pernah mencurahkan tenaga tidak disia-siakan.

"Mahasiswa, kakitangan akademik dan tenaga pendidik perlu sentiasa amanah, komited dan berkaliber serta mengimbuai kepayahan ketika UTP mula ditubuhkan," katanya pada majlis perasmian UTP, di sini semalam.

Perasmian disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Hadir sama, Canselor UTP yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Rektor yang Ketua Pegawai Eksekutif UTP, Dr Rosti Saruwono.

Mohd Hassan berkata, UTP memulakan operasinya pada 1995 dengan menumpang kemudahan akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ketika itu dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia serta Institut Latihan Pengurusan Petronas (Permata) di Bangi, Selangor.

"Setahun selepas itu, UTP berpindah ke bandar Seri Iskandar dan mengambil alih kampus milik Universiti Sains Malaysia (USM) cawangan Perak.

"Beberapa bangunan sementara dijadikan asrama pelajar dan selepas tujuh tahun menumpang di kemudahan akademik milik pihak lain, UTP akhirnya memiliki kemudahan kompleks akademik sendiri pada 2003," katanya.

Mohd Hassan berkata, perasmian UTP membuka lembaran baru dalam sejarah Petronas kerana majlis bersejarah itu diadakan hanya lima hari selepas Petronas menyambut ulang tahunnya yang ke-30.

Beliau berkata, sepanjang tiga dekad penubuhannya, fungsi Petronas berubah daripada hanya sebagai pengurus sektor hulu petroleum negara kepada syarikat minyak dan gas bersepadu dan beroperasi di sebanyak 35 negara seluruh dunia.

Katanya, Petronas berfungsi penting memacu negara dalam usaha perindustrian, terutama industri berteknologi tinggi seperti pembangunan Koridor Petrokimia Pantai Timur, Kompleks Industri Petroleum Petronas di Kertih dan Kompleks LNG Petronas bertaraf dunia di Bintulu.

"Bagi menyokong industri raksasa Petronas, tenaga kerja terlatih dan berkemahiran tinggi diperlukan.

"Sehubungan itu, Petronas sejak awal mengambil keputusan membangunkan sumber tenaga manusia bukan hanya untuk memenuhi keperluan syarikat, malah pembuluh kepada pembangunan sumber manusia negara," katanya.

Beliau berkata, langkah itu selaras agenda kerajaan dalam bidang pendidikan dan sejajar objektif Petronas menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

"Pelbagai peluang menimba ilmu disediakan Petronas untuk warga Malaysia sama ada di peringkat sekolah atau pengajian tinggi.

"Setakat ini, hampir 60,000 warga Malaysia mengikuti pengajian sama ada

di institusi pengajian tinggi dan pusat latihan milik Petronas seperti Institut Teknologi Petroleum Petronas (Instep), Akademi Laut Malaysia (Alam) dan UTP.

"Selain itu, ada pelajar mendapat tajaan Petronas melanjutkan pelajaran di universiti tempatan dan luar negara," katanya.

(END)